

PM - SON SANN 'R' 'R' 'R'
(1)

1983

KUALA LUMPUR, 1 APRIL (BERNAMA)--MALAYSIA HARI INI MEMBERI JAMINAN AKAN MENERUSKAN SOKONGANNYA KEPADA KERAJAAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA (DK) DALAM PERJUANGAN RAKYAT KAMPUCHEA UNTUK MEMULIHKAN KEMERDEKAAN MEREKA.

IA BERIKRAR UNTUK MEMPERHEBATKAN USAHA-USAHANYA DALAM FORUM-FORUM ANTARABANGSA BAGI MEMPERCEPATKAN PENYELESAIAN DICAPAI TERHADAP ISU KAMPUCHEA BERDASARKAN KEPADA PENGISYTIHARAN PERSIDANGAN ANTARA-BANGSA MENGENAI KAMPUCHEA (ICK).

PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI JAMINAN TERSEBUT KEPADA PERDANA MENTERI DEMOKRATIK KAMPUCHEA, ENCIK SON SANN SEMASA MEREKA BERUNDING SELAMA SEJAM DI PEJABAT PERDANA MENTERI DI SINI.

MENURUT PERDANA MENTERI, BELIAU INGIN MELIHAT PEMULIHAN SEGERA KEMERDEKAAN KAMPUCHEA. --LAGI 1710/MD

ZCZC 8396

PM - SON SANN 2 KUALA LUMPUR 'R' 'R' 'R'

DALAM SATU MAJLIS TAKLIMAT UNTUK AKHBAR SELEPAS RUNDINGAN ITU, KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN LUAR, TAN SRI ZAKARIA MOHAMAD ALI BERKATA ENCIK SON SANN MELAHIRKAN PENGHARGAANNYA KEPADA KERAJAAN DAN RAKYAT KERANA BANTUAN DAN SOKONGAN POLITIK DAN DIPLOMATIK KEPADA DEMOKRATIK KAMPUCHEA.

BELIAU TELAH MEMBERI TAKLIMAT KEPADA PARA PEMIMPIN MALAYSIA MENGENAI KEDUDUKAN TENTERA YANG TERBARU DI KAMPUCHEA DAN KEMAJUAN YANG DICAPAI DALAM GERAKAN MENENTANG PENDUDUKAN ASKAR-ASKAR VIETNAM.

MENURUT PERDANA MENTERI YANG SEDANG MELAYAT MALAYSIA ITU, TENTANGAN YANG DIBERIKAN OLEH ASKAR-ASKAR ITU KIAN BERTAMBAH TEGUH SEMENTARA MORAL PERJUANGAN MEREKA ADALAH TINGGI.

KATANYA, MEREKA BEGITU YAKIN DENGAN PERJUANGAN MEREKA UNTUK MENGUSIR ASKAR-ASKAR VIETNAM KELUAR DARI NEGARA ITU.

ENCIK SON SANN JUGA MEMBERI TAKLIMAT KEPADA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR TENTANG KEMAJUAN YANG DICAPAI OLEH KERAJAAN CAMPURAN YANG SETAKAT INI TELAH BERUNDING SEBANYAK DUA KALI SEJAK DIBENTUK, AKHIR TAHUN LALU. --LAGI 1715/MD

PM - SON SANN 3 KUALA LUMPURRRRRR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPUAS HATI DENGAN KEMAJUAN YANG DICAPAI OLEH KERAJAAN CAMPURAN DAN TENTERA-TENTERA MEREKA TELAH MEMBERIKAN PERJUANGAN YANG SUNGGUH GAGAH DAN BERANI MENENTANG PASUKAN VIETNAM.

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA MALAYSIA AKAN TERUS MEMBUKTIKAN APA JUGA BANTUAN YANG MUNGKIN KEPADA KERAJAAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA.

BAGAIMANAPUN, BANTUAN TERSEBUT ADALAH TERBATAS KEPADA SUMBANGAN BERBENTUK KEMANUSIAAN.

TAN SRI ZAKARIA BERKATA PEMIMPIN DEMOKRATIK KAMPUCHEA ITU TIDAK PULA MEMINTA BANTUAN YANG KHUSUS DARI MALAYSIA.

BELIAU JUGA MEMBERI TAKLIMAT KEPADA DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGENAI SERANGAN VIETNAM TERHADAP ORANG-ORANG AWAM KAMPUCHEA DEKAT SEMPADAN KAMPUCHEA/THAI MENGAKIBATKAN KEMALANGAN JIWA DI KALANGAN ORANG-ORANG YANG TIDAK BERDOSA DAN MEMAKSA BANYAK DI ANTARA MEREKA MELARIKAN DIRI MENYEBERANGI SEMPADAN KE NEGERI THAI.
--LAGI 1737/MD

PM - SON SANN 4 KUALA LUMPURRRRR

+KERAJAAN MALAYSIA MENGUTUK SERANGAN TERHADAP ORANG AWAM SEPERTI ITU,+ KATA TAN SRI ZAKARIA.

KATANYA, +SERANGAN INI TIDAK BOLEH DIANGGAP SELAIN DARIPADA SERANGAN TERHADAP KEMANUSIAAN.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG MENGHADIRI SIDANG KEMUNCAK NEGARA-NEGARA BERKECUALI DI NEW DELHI BARU-BARU INI MEMBERITAHU PELAWAT ITU TENTANG KEYAKINANNYA TERHADAP PROSPEK MASA DEPAN KERAJAAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA.

SIDANG KEMUNCAK ITU TELAH MENDESAK PENDAPAT DUNIA MENENTANG PENCEROBOHAN VIETNAM DI KAMPUCHEA DAN MENDAPAT SOKONGAN YANG KUAT DARI SEGI DIPLOMATIK DAN POLITIK BAGI KERAJAAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA, KATANYA.

MENTRI LUAR, TAN SRI GHAZALI SHAFIE TURUT HADIR DALAM RUNDINGAN TERSEBUT.

SEBELUM ITU ENCIK SON SANN BERUNDING DENGAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM DAN TAN SRI GHAZALI SHAFIE.

DATUK SERI DR. MAHATHIR AKAN MERAIKAN BELIAU DALAM MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM INI. BELIAU AKAN BERLEPAS KE SINGAPURA, ESOK.
--BERNAMA 1742/MD